

GARIS PANDUAN KEPADA PEMERIKSA

BK 7 (Percubaan)
SPM, 2016
BAHASA MELAYU

BAHAGIAN A

Gambar rajah di bawah menunjukkan persediaan-persediaan yang diperlukan oleh seseorang sebelum memasuki alam pekerjaan.

Huraikan pendapat anda tentang persediaan -persediaan yang diperlukan oleh seseorang sebelum memasuki alam pekerjaan. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Diharapkan : calon dapat menghuraikan isi/idea tentang persediaan-persediaan yang diperlukan oleh seseorang sebelum memasuki alam pekerjaan.

Cadangan idea:

- Kelulusan akademik yang sesuai
- Kemahiran menguasai pelbagai bahasa
- Kemahiran berkomunikasi

KRITERIA PENSKORAN BAHAGIAN A

PERINGKAT	KRITERIA
<i>Cemerlang</i> 26-30 (28-30) (26-27)	<ul style="list-style-type: none"> Karangan menepati tugas bahan rangsangan Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik Idea relevan dengan tugas bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan matang.
<i>Kepujian</i> 20-25 (23-25) (20-22)	<ul style="list-style-type: none"> Karangan menepati tugas bahan rangsangan Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas. Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. Idea relevan dengan tugas bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas.
<i>Memuaskan</i> 15-19 (17-19) (15-16)	<ul style="list-style-type: none"> Karangan masih menepati tugas bahan rangsangan. Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum. Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. Idea masih relevan dengan tugas bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.
<i>Kurang Memuaskan</i> 10-14 (12-14) (10-11)	<ul style="list-style-type: none"> Karangan masih/ kurang menepati tugas bahan rangsangan. Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. Idea kurang relevan dengan tugas bahan rangsangan dan huraian kurang jelas
<i>Pencapaian Minimum</i> 01-09 (06-09) (01-05)	<ul style="list-style-type: none"> Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. Idea tidak menepati tugas bahan rangsangan

Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran, dan lain-lain.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

BAHAGIAN B

1. Terdapat sebilangan murid, ibu bapa dan masyarakat hanya mementingkan pencapaian akademik dengan meminggirkan aktiviti kokurikulum di sekolah.

Sebagai seorang murid huraikan pendapat anda untuk menyakinkan semua pihak bahawa kegiatan kokurikulum banyak faedahnya kepada murid-murid dan tidak wajar diketepikan di sekolah.

Cadangan idea :

- Melahirkan murid yang berdisiplin
- Mencungkil bakat dan potensi murid
- Melahirkan pemimpin masa depan
- Memupuk semangat kerjasama
- Membentuk ketahanan fizikal dan mental
- Dapat mengisi masa lapang dengan berfaedah

2. Belakangan ini telah berlaku kenaikan harga barangan keperluan pengguna. Setiap kali berlaku kenaikan harga barangan, para peniaga akan mengaut keuntungan manakala para pengguna akan menanggung beban.

Sebagai seorang pengguna yang bijak, huraikan langkah-langkah yang dapat diambil oleh setiap ahli keluarga untuk menangani masalah kenaikan harga barangan.

Diharapkan : Calon dapat menulis peranan setiap ahli keluarga dalam menangani masalah kenaikan harga barangan.

Cadangan idea:

- Peranan ibu bapa – menabung, berhemah dalam berbelanja, suri teladan
- Peranan anak-anak – amalan berjimat cermat, membeli mengikut keperluan.
- Peranan saudara terdekat seperti datuk, nenek – suri teladan.

3. Semangat kejiiran dalam kalangan masyarakat semakin luntur. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis rencana untuk disiarkan dalam akhbar tempatan. Tajuk rencana tersebut ialah usaha-usaha untuk mengukuhkan semangat kejiiran dalam kalangan masyarakat.

Tulis rencana itu selengkapnya.

Karangan berformat (Rencana)**Tajuk****Nama penulis**

(jika tiada kedua-dua tolak 2 markah)

Diharapkan : Calon dapat menghuraikan usaha-usaha untuk mengukuhkan semangat kejiiran dalam kalangan masyarakat.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Cadangan idea:

- Mengadakan rumah terbuka
- Amalan ziarah-menziarahi
- Melalui aktiviti gotong-royong
- Mengadakan kempen
- Pendidikan di sekolah-menanam semangat kejiranan

4. Perkembangan Teknologi maklumat dan komunikasi yang begitu pesat menyebabkan kita berasakan dunia ini semakin kecil.

Berikan komen anda akan keperluan masyarakat dunia memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi.

Diharapkan : Calon dapat membincangkan keperluan masyarakat dunia memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi.

Cadangan idea:

- kerjasama/perkongsian maklumat
- kerjasama / perkongsian kepakaran
- kerjasama / perkongsian ekonomi
- kerjasama / perkongsian mengawal keselamatan sempadan negara
- kerjasama / perkongsian sosio budaya

*** Jawapan murid mesti dikaitkan di peringkat antarabangsa/global

5. Membaca karya sastera seperti cerpen, novel, drama dan puisi boleh memupuk semangat cinta akan negara dalam kalangan murid.

Bincangkan.

Diharapkan : Calon dapat menulis bagaimana karya sastera boleh memupuk semangat cinta akan negara dalam kalangan murid.

Cadangan idea:

-Idea calon hendaklah berdasarkan karya sastera yang memerihalkan memupuk semangat cinta akan negara dalam kalangan murid.

**PERATURAN PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU KERTAS 2 [1103/2]**

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
(b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan	Markah
Petikan membincangkan usaha-usaha / cara-cara / inisiatif-inisiatif / tindakan-tindakan / kaedah-kaedah untuk memulihara sungai yang tercemar di bandar.	2
Petikan membincangkan usaha-usaha / cara-cara / inisiatif-inisiatif / tindakan-tindakan / kaedah-kaedah untuk memulihara sungai di bandar dan sebab-sebab sungai di bandar memualkan.	2
Rumusan ini membincangkan usaha-usaha / cara-cara / inisiatif-inisiatif / tindakan-tindakan / kaedah-kaedah untuk memulihara sungai di bandar dan kepentingan memulihara sungai.	2
Petikan membincangkan usaha-usaha / cara-cara / inisiatif-inisiatif / tindakan-tindakan / kaedah-kaedah untuk memulihara sungai di bandar.	1
Petikan membincangkan usaha-usaha / cara-cara / inisiatif-inisiatif / tindakan-tindakan / kaedah-kaedah untuk memulihara sungai di bandar dan kepentingan memulihara sungai.	1
Petikan / Rumusan membincangkan langkah-langkah untuk memulihara sungai di bandar.	0

Isi-isi tersurat (Langkah-langkah untuk memulihara sungai di bandar) [4 hingga 12 markah]

1. Pihak penguat kuasa perlu kerap turun padang untuk memantau
2. Warga kota mengubah sikap mereka dalam memastikan kebersihan
3. Kerajaan perlu menilai semula kempen mengubah budaya membuang sampah
4. Pihak penguat kuasa perlu melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan tegas
5. DBKL merangka suatu pendekatan proaktif yang lebih komprehensif
6. DBKL mengaktifkan program sungai angkat
7. DBKL menambah baik aktiviti pemuliharaan sungai
8. Pemilik kilang hendaklah bertanggungjawab menanggung kos pemulihan sungai yang dicemari
9. Warga kota mesti bekerjasama bagi meminimumkan pencemaran sungai

Isi-isi tersirat (Kepentingan memulihara sungai) [4 hingga 12 markah]

1. Dapat menyediakan sumber air bersih
2. Dapat menjadi tempat rekreasi / riadah
3. Dapat menjadi destinasi pelancongan
4. Dapat menjadi tempat hidupan / ekosistem akuatik / sumber makanan / protein
5. Dapat menjadi laluan pengangkutan air
6. Dapat mewujudkan persekitaran / suasana indah / bersih/ lebih baik / selesa
7. Dapat menjana ekonomi penduduk setempat
8. Dapat menaikkan imej sesuatu bandar / kawasan / tempat

Kesimpulan [2 markah]

1. Kesimpulannya, sungai-sungai di bandar wajar dipulihara agar persekitaran di bandar tidak tercemar. [2 markah]
2. Kesimpulannya, langkah-langkah untuk memulihara sungai di bandar wajar diberi perhatian oleh warga kota agar persekitaran di bandar menjadi lebih baik. [2 markah]
3. Kesimpulannya, kita perlu memulihara sungai-sungai di bandar. [1 markah]

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda bacaan/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2(a) : 9 markah
 Soalan 2(b) : 9 markah
 Soalan 2(c) : 8 markah
 Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

- Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
- Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/ sempurna.
- Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

i. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

ii. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

iii. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum

(i) Maksud rangkai kata *mengubah budaya*

- menukar tabiat / sikap / cara / kaedah
- mengubah tabiat / sikap / cara / kaedah
- menukar budaya

Markah

2

1

1

[Maksimum 2 markah]

(ii) Sebab-sebab

- P1 keadaan sungai kotor
 P2 keadaan sungai berbau busuk
 P3 persekitaran sungai telah menjadi sarang penagih dadah
 P4 menjadi tempat pembiakan binatang

Markah

1

1

1

1

[Maksimum 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Usaha-usaha

- P1 mengindahkan persekitaran sungai
 P2 membersihkan aliran sungai
 P3 menyediakan prasarana / kemudahan asas – surau / tandas / taman permainan kanak-kanak
 P4 menyediakan kemudahan bot / pengangkutan pelancongan
 P5 membina restoran / tempat makan terapung di sungai
 P6 membina tempat penginapan / chalet di sungai
 P7 membina kedai-kedai cenderamata di sungai
 P8 menyediakan pakej pelancongan sungai

Markah

1

1

1

1

1

1

1

1

[Maksimum 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen

(i) Usaha-usaha

	Markah
P1 ilmu agama Mel masih kurang	1
P2 bimbang Mel akan terpengaruh dengan budaya hedonisme dan modenisme	1
P3 bahasa ibunda Mel masih lemah	1
	[Maksimum 2 markah]
	[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Cara-cara meningkatkan semangat jati diri remaja

	Markah
P1 memperkukuh ilmu agama	1
P2 penerapan semangat cinta akan negara/ jati diri dalam mata pelajaran di sekolah	1
P3 penggunaan bahasa kebangsaan dalam komunikasi rasmi dan harian	1
P4 pengajaran tentang sejarah negara merentas kurikulum	1
P5 kempen / program semangat jati diri secara berterusan	1
P6 pemantauan ibu bapa terhadap aktiviti remaja/anak-anak	1
	[Maksimum 3 markah]
	[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Pengajaran dalam petikan

	Markah
P1 kita hendaklah bersungguh memartabatkan bahasa ibunda agar bahasa ibunda terus kekal dan dituturkan oleh generasi akan datang	1+1
P2 kita hendaklah mempunyai bekalan ilmu yang mencukupi sebelum merantau agar kita tidak mudah diperdaya atau hanyut dengan arus pemodenan	1+1
P3 kita hendaklah mempertahankan agama dan bangsa agar maruah kita tidak tergadai / tercemar	1+1
P4 kita hendaklah taat pada perintah dan larangan ibu bapa agar kita dapat hidup bahagia	1+1

Pengajaran lain daripada keseluruhan cerpen

	Markah
P5 kita hendaklah rajin membaca bahan bacaan yang sesuai untuk meningkatkan pengetahuan	1+1
P6 kita hendaklah gigih apabila melakukan sesuatu pekerjaan supaya masa depan lebih terjamin	1+1
P7 kita janganlah mudah berputus asa apabila menemui kegagalan tetapi sebaliknya bangkit semula untuk mencapai kejayaan dalam hidup	1+1
P8 kita hendaklah amanah dalam tugas yang diberi agar kita dihormati dan disegani	1+1
P9 kita janganlah melakukan aktiviti yang tidak bermoral seperti terjebak dengan rasuah, kronisme dan hasad dengki kerana akan mendatangkan kemudaratan kepada diri sendiri	1+1

[Maksimum 4 markah]

[Lihat halaman sebelah]
SULIT

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

(i) Maksud rangkai kata

- dilihatnya sorang penjahat / pencuri mati meninggal dunia

Markah

2

[Maksimum 2 markah]

(ii) Tindakan-tindakan

- P1 menikam / membunuh Kertala Sari
- P2 memaki / menjerit kepada Kertala Sari
- P3 memotong kemaluan / syahwat Kertala Sari

Markah

1

1

1

[Maksimum 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Sebab perlu melakukan perancangan

- P1 sebagai persediaan awal
- P2 berjaya dilaksanakan
- P3 berjalan seperti yang dirancang / lancar
- P4 kurang risiko
- P5 dapat mengenalpasti masalah yang bakal dihadapi
- P6 perbelanjaan dapat dirangsang / dianggarkan
- P7 objektif akan tercapai
- P8 ketelitian dalam pelaksanaan

Markah

1

1

1

1

1

1

1

1

[Maksimum 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

Soalan 2 (d) – Sajak

(i) Maksud

- kampus-kampus universiti sebagai pusat percambahan pemikiran / pertimbangan boleh menjelmakan perasaan ego / sombong yang boleh menghilangkan / menghancurkan nilai pekerti

Markah

2

[Maksimum 2 markah]

(ii) Sebab murid perlu bersedia dengan langkah yang sewajarnya

- P1 mereka lebih berkikar tanpa bergantung kepada pensyarah / ibu bapa / rakan-rakan
- P2 mereka mampu bersaing dengan rakan-rakan yang sentiasa berlumba-lumba menjadi pelajar yang terbaik
- P3 mereka tidak berkonflik / tidak menyalahkan ibu bapa / mana-mana pihak sekiranya mereka gagal dalam pelajaran
- P4 mereka tidak hilang pertimbangan / 'culture shock' / tidak hanyut di tempat baharu
- P5 supaya mereka tidak terkandas / bangkit selepas terkandas
- P6 pengaruh rakan sebaya / pengaruh persekitaran boleh merosakkan mereka

Markah

1

1

1

[Maksimum 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Persoalan

- P1 Persoalan kepentingan ilmu / pendidikan dalam kehidupan, contoh (R1:B6 /B7/B8) kau nikmatilah angin dan udara ilmu itu/memesraikan azimat dan tangkal dari tangkal gading-Penyajak menghantar anaknya ke bandar untuk melanjutkan pelajaran di universiti kerana menyedari ilmu pengetahuan mampu diperolehi dari menara gading tersebut.
- P2 Persoalan tanggungjawab bapa terhadap anak, contoh (R1; B1 / B2)Kuhantar kau mengecapi angin baru / Udara lain dari kampung bendang kuningmu. Penyajak menghantar anaknya belajar di bandar kerana suasana dan persekitaran bandar jauh berbeza dengan kampung. Penyajak mahu anaknya menimba pengalaman baharu di universiti yang bakal mengubah kehidupan anaknya sebagai mahasiswa di sebuah universiti
- P3 Persoalan harapan ibu bapa kepada anak yang bergelar mahasiswa, contohnya penyajak membenarkan anaknya belajar di bandar untuk meluaskan / menambahkan pengalaman hidupnya, sekali gus melatih anaknya menjadi lebih tabah, matang dan bijaksana dalam menangani cabaran hidup.
- P4 Persoalan cabaran hidup di bandar, contohnya penyajak menjelaskan bahawa kehidupan di bandar amat mencabar. Banyak perkara negatif boleh berlaku sekiranya anaknya tidak dapat membezakan antara perkara yang baik dengan perkara yang tidak baik. Oleh itu, dia berharap anaknya dapat membuat pertimbangan dengan rasional agar sifat sombong tidak menguasai dirinya

Markah

1+1

1+1

1+1

1+1

[Maksimum 4 markah]

SOALAN 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3 (a) : 6 markah
- Soalan 3 (b) : 6 markah
- Soalan 3 (c) : 6 markah
- Soalan 3 (d) : 6 markah
- Soalan 3 (e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.

Jawapan contoh 3 (a)

- (i) hati : Manusia yang mempunyai hati yang baik akan sentiasa bahagia dan ceria.
- (ii) perhatian : Kemiskinan keluarga tersebut mendapat perhatian daripada Menteri Besar.
- (iii) pemerhatian : Pada pemerhatian saya dia wajar diberikan bantuan kewangan.
- (iv) pandang : Sekali pandang wajahnya seiras artis terkenal tanah air.
- (v) pandangan : Sebelum membuat apa-apa keputusan kita perlu mendapat pandangan orang yang lebih arif tentang perkara tersebut.
- (vi) pemandangan : Pemandangan Pulau Kapas sangat jelas pada waktu pagi.

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (b)

- (i) Frasa Nama + Frasa Nama
- (ii) Frasa Nama + Frasa Adjektif
- (iii) Frasa Nama + Frasa Sendi
- (iv) Frasa Nama + Frasa Kerja
- (v) Frasa Nama + Frasa Sendi
- (vi) Frasa Nama + Farasa Nama

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (c)

- | | | | |
|-------|--------------|---|---------------------------|
| (i) | mudahkan | - | memudahkan |
| | penguatkuasa | - | penguat kuasa |
| (ii) | profesyen | - | profesion |
| | bertemu duga | - | ditemu duga/ temu duga |
| (iii) | ko-kurikulum | - | kokurikulum |
| | pemimpin | - | kepimpinan / kepemimpinan |

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (d)

- | | | | |
|-------|------------------------|---|---------------------------------|
| (i) | sejak kebelakangan ini | - | kebelakangan ini/belakangan ini |
| | pertunjukan | - | persembahan |
| (ii) | luas | - | hangat / hebat |
| | daripada | - | dari |
| (iii) | Berbagai | - | Berbagai-bagai |
| | menyapa | - | menegur |

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (e) Peribahasa

- (i) Sikap meninggi diri pegawai itu menjadi bualan pekerja-pekerja bawahannya.
- (ii) Pak Man seperti lembu dicucuk hidung kerana mengikut sahaja apa-apa yang dikatakan oleh isterinya.
- (iii) Pasukan bola sepak negara perlu melakukan perubahan drastik supaya mampu duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan pasukan negara lain.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 4
[15 Markah]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

4(a)

- (i) Jawapan hendaklah berdasarkan **sebuah** daripada novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan 1 markah untuk pernyataan nilai tanggungjawab yang lengkap/jelas.
- (iv) Berikan 1 markah untuk setiap huraian nilai tanggungjawab yang lengkap/jelas.
- (v) Markah isi maksimum 4 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.

[Maksimum : 7 markah]

4 (b)

- (i) Jawapan hendaklah berdasarkan **dua buah** novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan 1 markah untuk pernyataan cabaran watak utama yang lengkap / jelas.
- (iv) Berikan 2 markah untuk huraian / peristiwa berkaitan yang lengkap / jelas.
- (v) Markah isi maksimum 6 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
- (vii) Calon perlu menyatakan nama watak utama dengan jelas sebelum menghuraikan cabaran yang dihadapi.

[Maksimum : 8 markah]

- (a) Dua nilai tanggungjawab dalam novel

NOVEL PANTAI KASIH

• **Tanggungjawab doktor terhadap pesakit**

Doktor Raiha berusaha memastikan setiap operasi pembedahan yang dilakukannya akan memuaskan hati semua pihak yang terlibat. Doktor Raiha memeriksa Unong Siron setelah menjalani pembedahan bagi memastikan tahap kesihatan gadis itu memuaskan.

• **Tanggungjawab bapa terhadap anak**

Ayah Doktor Raiha membantah hasratnya ingin berkahwin dengan Doktor Sadiz kerana tidak mahu Doktor Raiha menghadapi masalah pada kemudian hari.

• **Tanggungjawab rakan terhadap rakan**

Doktor Raiha memaafkan kesalahan Felicia yang terlibat secara tidak langsung dalam tragedi yang menjadi punca kematian Ayu dan memberi nasihat kepadanya agar memulakan hidup baharu.

• **Tanggungjawab pekerja terhadap profesion**

Doktor Raiha mempertikaikan sikap Doktor Uwang yang mementingkan wang berbanding kebajikan pesakitnya. Doktor Raiha juga menegur sikap Felicia yang bersikap kasar terhadap ibu Unong Siron demi menjaga imej profesion kedokteran.

NOVEL BIMASAKTI MENARI

• **Tanggungjawab masyarakat terhadap alam sekitar**

Muhammad Taufik bergiat aktif dalam pembinaan rumah mesra alam, iaitu Ikhtiar Teknoalam dan menggunakan kereta hibrid agar mengurangkan pencemaran terhadap alam sekitar.

• **Tanggungjawab anak terhadap ibu bapa**

Muhammad Taufik berusaha menyatukan ibu bapanya kembali yang lama berpisah. Nurul Hafsa pula akan membina sebuah stor untuk ayahnya menyimpan peralatan berkebum supaya tidak dicuri orang.

• **Tanggungjawab ibu bapa terhadap anak**

Tan Sri Muhaimin dan Puan Maryam Wickham sentiasa memenuhi kehendak dan keperluan anak tunggal mereka, Muhammad Taufik. Mereka menyokong usaha Muhammad Taufik melestarikan alam sekitar seperti mengekalkan populasi kelip-kelip dan membina rumah prototaip mesra alam, iaitu Ikhtiar Teknoalam.

• **Tanggungjawab rakan terhadap rakan**

Budiman dan Nurul Hafsa berkeinginan mencari Muhammad Taufik yang ditimpa kemalangan setelah diserang selepas menunaikan solat isyak. Mereka menemui Muhammad Taufik dalam keadaan berlumuran darah pada bahagian rusuknya dan menghantarnya ke Hospital Tanjung Karang setelah ambulans tiba.

• **Tanggungjawab abang terhadap adik**

Budiman sentiasa menjaga kebajikan adiknya, Nurul Hafsa dengan mendengar perasaan tidak puas hati Nurul Hafsa tentang keadaan langit di Kuala Selangor yang mengalami pencemaran cahaya. Budiman juga menemani Nurul Hafsa yang ingin bertemu dengan Muhammad Taufik bagi mengemukakan cadangan program Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- **Tanggungjawab individu terhadap agama**

Keluarga Haji Yassir, Tan Sri Muhaimin dan Maryam Wickham Abdullah menunaikan solat subuh di surau Hospital Besat Tanjung Karang ketika Muhammad Taufik dirawat di situ.

[*Terima mana-mana nilai tanggungjawab lain yang sesuai*]

(b) Cabaran yang dihadapi oleh watak utama

NOVEL PANTAI KASIH

Watak utama – **Doktor Raiha**

- **Cabaran memenuhi harapan seorang bapa**

Doktor Raiha menghadapi cabaran apabila bapanya tidak mahu dia menjadi seorang pakar bedah dan berkahwin dengan Doktor Sadiz yang dianggap sebagai seorang lelaki angkuh dan lebih berusia daripada bapanya.

- **Cabaran menyelamatkan rakan setugas yang ditimpa kemalangan**

Doktor Raiha melakukan pembedahan kecemasan terhadap Doktor Uwang yang kritikal setelah terlibat dalam kemalangan.

- **Cabaran menghadapi anak yang tidak normal**

Doktor Raiha berhadapan dengan cabaran apabila anak tunggalnya, Ayu menghidap sindrom *Down* dan tidak disenangi oleh suaminya, Doktor Sadiz.

- **Cabaran melakukan tugas diluar jangkaan**

Doktor Raiha menghadapi cabaran apabila terpaksa melakukan pembedahan kali keenam ke atas Unong Siron apabila Doktor Uwang yang sepatutnya melakukan pembedahan tersebut berhalangan.

- **Cabaran menghadapi kekejaman suami**

Doktor Raiha dipaksa oleh suaminya, Doktor Sadiz menggugurkan kandungannya apabila mengetahui bayi yang bakal dilahirkan itu tidak normal. Doktor Sadiz juga tidak mahu melepaskan Doktor Raiha semata-mata ingin menyakitkan hatinya.

- **Cabaran melalui kenangan pahit**

Doktor Raiha menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha untuk melupakan kenangan pahit yang mengorbankan anak kesayangannya dan peristiwa hitam yang membawa kehancuran rumah tangganya bersama-sama Doktor Sadiz.

NOVEL BIMASAKTI MENARI

Watak utama – **Nurul Hafsa**

- **Cabaran hari pertama bertugas**

Nurul Hafsa menghadapi cabaran pada hari pertama dia bertugas di Balai Cerap Sultan Salahuddin apabila 15 orang pelajar dan tiga orang pengiring mereka dari Jepun berasa kecewa kerana tidak dapat melihat bintang-bintang disebabkan langit di Kuala Selangor pada malam tersebut terlalu cerah.

- **Cabaran melestarikan alam sekitar**

Nurul Hafsa terpaksa berhadapan dengan pelbagai tekanan dalam usaha melestarikan alam sekitar apabila Dato' Johann Arlington-Majid sengaja membawa kekeliruan dengan membidas segala hujah Nurul Hafsa agar projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor tidak

[*Lihat halaman sebelah*

SULIT

dipersetujui oleh Menteri Besar. Dato' Johann juga mengupah penjahat untuk menculik Nurul Hafsa dalam usaha menggagalkan usaha Nurul Hafsa.

• **Cabaran menghadapi ancaman penjenayah**

Nurul Hafsa menghadapi kekejaman penculik yang diupah oleh Dato' Johann Arlington-Majid demi menggagalkan usahanya mewujudkan Kawasan Langit Gelap di Kuala Selangor. Nurul Hafsa diculik sebagai galang ganti untuk mendapatkan Muhammad Taufik, anak kepada Tan Sri Muhaimin yang menjadi musuh peribadi dan perniagaan Dato' Johann Arlington-Majid.

[Terima mana-mana cabaran lain yang sesuai]

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT